

26 FEB 2003

OIC-Mahathir (PBB)/I

DR MAHATHIR UTUS SURAT KEPADA ANGGOTA MAJLIS KESELAMATAN

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), akan menghantar surat kepada anggota Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) meminta mereka mengelakkan cadangan serangan yang diketuai Amerika Syarikat ke atas Iraq.

Anggota tetap Majlis Keselamatan adalah Perancis, Russia, United Kingdom, Amerika Syarikat dan China manakala anggota bukan tetap sekarang ini ialah Jerman, Guinea, Mexico, Pakistan, Sepanyol, Syria, Angola, Bulgaria, Cameroon dan Chile.

"Saya sudah tentunya akan menulis (surat), malah selaku Perdana Menteri, saya telah menulis kepada banyak orang untuk cuba mempengaruhi mereka. Tiada salahnya untuk menulis selaku Pengerusi NAM kepada Majlis Keselamatan dan anggota," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir menjadi pengerusi pergerakan yang mengandungi 116 anggota dari negara-negara sedang membangun bagi menggantikan Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki pada edisi ke-13 persidangan pemimpin NAM, yang berakhir malam tadi.

Semasa bercakap pada sediaan media selepas mesyuarat tidak rasmi Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) di sini, beliau berkata anggota-anggota OIC "secara keseluruhannya bersetuju bahawa kita perlu mempengaruhi sebanyak mana orang yang boleh (bagi menghentikan cadangan perang ke atas Iraq)."

Dr Mahathir berkata mesyuarat tidak rasmi OIC di sini hari ini yang diadakan sehari selepas berakhirnya Sidang Kemuncak NAM mencadangkan agar beliau menulis surat atas sifatnya selaku pengerusi NAM di samping pengerusi mesyuarat tidak rasmi OIC.

"Terdapat cadangan agar saya menulis atas sifat saya sebagai pengerusi NAM selain pengerusi mesyuarat tidak rasmi OIC (dan) saya juga perlu menghantar surat kepada Majlis Keselamatan (PBB) dan anggotanya di samping Kesatuan Eropah bagi menggesa mereka membantu mengelakkan serangan ke atas Iraq," katanya.

Sebanyak 49 daripada 50 anggota OIC dalam NAM menghadiri mesyuarat tidak rasmi itu. Negara OIC yang tidak turut serta dan dua anggota NAM yang menghadiri perbincangan itu tetapi bukan anggota OIC tidak dapat dikenalpasti.

Dr Mahathir berkata perutusan surat itu merupakan "sesuatu yang kita perlu lakukan" sungguhpun jika surat-surat berkenaan hanya dimasukkan ke dalam bakul sampah.

"Kita tidak tahu apa yang mereka (anggota Majlis Keselamatan) akan lakukan (dengan surat itu), sudah tentu, mereka mungkin akan hanya mencampakkannya ke dalam bakul sampah atau mereka mungkin memberikan maklumat balas dalam sebarang cara, tetapi saya pasti mereka akan meyakinkan kita semula bahawa mereka melakukan perkara yang betul."

Perdana Menteri berkata dengan surat itu "sekurang-kurangnya kita akan mempunyai beberapa orang yang akan bercakap untuk kita pada Majlis Keselamatan."

Beliau berkata surat itu juga mempunyai pengaruh dalam hujah mereka memandangkan OIC merupakan perkumpulan negara-negara yang pandangan mereka perlu diberikan pertimbangan.

Dr Mahathir turut mengulangi bahawa troika NAM (pengerusi pergerakan terdahulu, kini dan akan datang) tidak akan menghantar pasukan ke Baghdad,

sungguhpun atas jemputan kerajaan Iraq semasa sidang kemuncak NAM ke-13 yang baru sahaja berakhir.

Mengenai langkah penyuburan semula NAM, beliau berkata pada masa ini beliau belum mempunyai sebarang ilham tetapi "sudah tentu saya perlu meneliti kedudukan sebagai pengerusi. Lagipun, pengerusinya ialah Malaysia, bukannya saya secara peribadi."

Katanya beliau akan mengkaji mengenai pergerakan itu dan mengenalpasti kelemahannya.

-- BERNAMA

SR MFJ ROS